

ADAT PERPATIH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT
MELAYU DI AIR KUNING : SATU TINJAUAN

SKI 400

JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1995

ADAT PERPATIH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT
MELAYU DI AIR KUNING: SATU TINJAUAN

SKA 400
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG

1995

ADAT PERPATIH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT
MELAYU DI AIR KUNING: SATU TINJAUAN

Oleh:

ABDULL SAMAT BIN OTHMAN	30433
AKUB BIN PEHEN	30379
MOHD GHAZALI BIN HJ. TALIF	30651

SKA 400
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG

1995

INFORMAN UTAMA

BIODATA

Nama: Dato' Rahmat bin Jonet

No. Kad Pengenalan: 3394482

Gelaran: Dato' Orang Kaya Setiawan

Umur: 86 Tahun

Suku: Biduanda

Perkerjaan: Kerja Kampung

Isteri: Saodah bte Yasin



Pendidikan: Darjah 5 (1929)



INFORMAN BERSAMA ISTERI



INFORMAN BERSAMA PENYELIDIK



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHANI

Segala puji hanya bagi Allah. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur kami ke hadrat Illahi kerana dengan izin - Nya dapat kami menyempurnakan tugas ini.

Kami mengambil kesempatan ini ingin merakamkan setinggi penghargaan dengan ucapan terima kasih kepada Encik Norhalim Hj Ibrahim selaku pensyarah SKA:400 SEMINAR MASALAH - MASALAH KELUARGA DI MALAYSIA, kerana di atas kesabaran dan dedikasi beliau yang telah memberi tunjuk ajar yang bermakna dan berkongsi pengetahuan dalam menyiapkan kerta kerja ini.

Ucapan teriam kasih juga, kami tujukan kepada yang terlibat dengan memberi ide dan pandangan tentang Adat Perpatih di Air Kuning terutamanya:

- a. Encik Ismail Jantan, Penghulu Mukim Air Kuning.
- b. Encik Yaakub Awang (Datok Raja Senara), Ketua Kampung Air Kuning (Selatan).
- c. Encik Rahmat Jonet, Penghulu Adat Perpatih, Air Kuning (Selatan).
- d. Encik Hussin dan Halimah, Kg Senaling, Kuala Pilah.
(kerana dengan bermurah hati mengizinkan kami merakamkan gambar - gambar perkahwinan anak perempuan mereka).

Akhirnya, terima kasih turut diajukan kepada semua pihak yang terlibat dengan memberi sumbangan kepada kami, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala jasa dan budi baik dan kerjasama semua yang terbabit, hanya Allah juga yang akan membalasnya, Insya' Allah.

Sekian, terima kasih.

Daripada kami,

Abdull Samat Bin Othman 30433

Akub Bin Pehen 30379

Mohd Ghazali Bin Hj Talip 30651

DAFTAR KANDUNGAN

Halaman

PENGHARHAAAN	i
1.0 PEDAHULUAN	I
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Batasan Kajian	4
1.4 Kaedah Kajian	5
1.5 Definisi Konsep	5
2.0 ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN: Sepintas Lalu	9
2.1 Latar Belakang	9
2.2 Konsep dan Ideologi Adat Perpatih	10
2.3 Kategori Adat	12
2.4 Adat dan Agama	16
2.5 Adat dan Undang-undang	17
2.6 Adat dan Istiadat	18
2.7 Adat dan Bayaran	19
3.0 PRINSIP-PRINSIP ADAT	20
3.1 Susunan Masyarakat	21
3.2 Prinsip Politik	27
3.3 Undang-undang	31
3.4 Ekonomi dan Pengagihan Sumber	33

4.0	MUKIM AIR KUNING	35
4.1	Sejarah Pembukaan dan Adat di Air Kuning	36
4.2	Struktur Pentadbiran Adat di Air Kuning	37
4.3	Adat dan Amalan	40
4.4	Adat Perkahwinan	47
4.5	Upacara Akad Nikah	50
4.6	Upacara Pengandaman	51
4.7	Upacara Persandingan	53
4.8	Adat Menemandi	60
4.9	Adat Menyalang	61
4.10	Adat Potong Jambul	61
4.11	Adat Melenggang Perut	62
4.12	Terkurung Lari Kahwin Menyerah	63
4.13	Perceraian	64
4.14	Pewaris Harta	64
5.0	KESIMPULAN	67

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

3.0 PRINSIP - PRINSIP ADAT

Aspek yang akan dibincangkan ialah prinsip - prinsip adat dalam Adat Perpatih. Prinsip - prinsipnya adalah sebagai suatu garis panduan yang lengkap dan serba merangkumi Adat Perpatih yang melibatkan setiap bidang hidup masyarakatnya. Pertembungan dan persaingan dengan beberapa sistem lain seperti agama Islam dan ad- Dinnya, sistem kehidupan Barat dengan konsep demokrasi, undang - undang, ekonomi dan ilmu pengetahuannya telah menyekat perkembangan prinsip- prinsip tradisi ini. Konsep asasi adat tidak pernah dapat berkembang dan dimajukan. Malah setiap konsep dalam segala bidang hidup sekarang dengan mudah dan langsung diambil dari pengetahuan dan amalan Barat sehingga sistem dan konsep tradisi itu menjadi lemah dan semakin kaku dan beku.

Justeru itu, ia hanya tinggal sebagai warisan zaman dan bukan sebagai suatu yang hidup serta dinamis. Walaupun terdapat konsep - konsep adat yang setaraf dan serupa dengan konsep kehidupan moden, namun ia tidak pernah ditanggap dan diiktiraf.

Di sini akan dibincangkan secara ringkas konsep asasi sistem adat yang merangkumi segala bidang kehidupan masyarakatnya. Bidang - bidang ini adalah seperti berikut:

- a) Susunan masyarakat;
- b) Prinsip politik dan tadbir;
- c) Undang - undang (hukum); dan
- d) Ekonomi dan pengagihan sumber.

Bagi memahami prinsip - prinsip adat ini wajar disedari bahawa pengertian konsep adat dalam konteks luas dan serba merangkumi, bukan dalam konteks yang sempit dan tertentu. Adat sebagai asas dan sendi masyarakat, ' sebagai kebudayaan dan bukan sebagai aspek kebudayaan", mempunyai fungsi menyeluruh dalam semua sistem kemasyarakatan: ideologi, kenegaraan, politik, ekonomi, sosial dan kepercayaan. Hanya dalam konteks ini dapat memahami makna dan erti hakikat pada prinsip dan sistem - sistem adat ini.

3.1 Susunan masyarakat

Asas susunan masyarakat dalam Adat Perpatih terbahagi kepada dua iaitu ideologi dan struktur (Zainal Kling 1969:12).

3.1.1 Ideologi

Adat berfungsi memberi suatu sistem ideologi kepada masyarakat. Ideologi adat ini juga merupakan asas terhadap keberfungsian adat dalam masyarakatnya. Oleh itu masyarakat

mesti berpegang teguh kepada prinsip adat untuk menjadikannya berfungsi; adat mestilah menjadi rukun / syarat utama bagi kewujudan masyarakat. Prinsip kewujudan adat yang paling asas termaktub dalam perbilangan.

- i) Hidup dikandung adat
Mati dikandung tanah
- ii) Tak lekang dek panas
Tak lapuk dek hujan
- iii) Dianjak layu / dicabut mati

Fungsi adat ialah,

Adat menimbulkan yang baik
Menghilangkan yang buruk

Bersesuaian dengan agama (syara')

Menyuruh membuat baik
Menegah membuat jahat

Oleh sebab agama Islam telah menjadi bahagian asasi perjalanan masyarakat Melayu dan dipadankan seerat dalam susunan budaya dan bersesuaian dengan ajaran agama sehingga tidak bertentangan asasi. Penyesuaian ini tercapai dengan memberi keutamaan kepada syara'.

- i) Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitab Allah
- ii) Kuat adat tak gaduh hukum
Kuat hukum tak gaduh adat
- iii) Adat dipakai, syarat diturut
Syarak nyata, adat memakai

dan prinsip penyesuaian antara kedua iaitu

Ibu hukum muafakat
Ibu adat muafakat

3.1.2 Struktur Masyarakat

Dalam amalan tradisi, Adat Perpatih mempunyai bentuk masyarakatnya sendiri. Prinsip pembentukan masyarakat berdasarkan senasab keturunan (unilineal descent) atau anggota masyarakat menggalurkan keturunan mereka dari keturunan sebelah ibu sahaja yakni menurut prinsip keturunan nasab ibu (matrilineal). Struktur masyarakat ini menjadi kelompok - kelompok yang berbentuk unit - unit berfungsi dalam struktur dan organisasi masyarakat ini. Kelompok - kelompok kekeluargaan berstruktur ini adalah bersifat hiraki dengan lingkungan yang semakin mengembang ke atas. Dengan demikian didapati kelompok kekeluargaan kecil dalam hieraki ini dinamakan **rumpun**. Gabungan daripada beberapa rumpun menjadi **ruang**, gabungan ruang menjadi **perut** dan gabungan beberapa perut menjadi kelompok yang terbesar iaitu **suku**.

Rumpun

Rumpun adalah kelompok yang terkecil dalam masyarakat adat pepatih dan mempunyai kelompok keluarga luas. Pemimpin rumpun ini dipanggil **Kodim** atau **Tua Rumpun** . Beliau adalah pemimpin yang bertanggungjawab dalam segala aktiviti sosial,

dan ekonomi yang berkaitan dengan kelompoknya. Dari segi politik, luak kelompok ini tidak mempunyai peranan yang jelas tetapi dari segi sosial dan kegiatan ekonomi serta budaya penyertaan keseluruhan ahli adalah penting. Hubungan antara anggota sesama rumpun mengandungi hak dan tanggungjawab yang amat besar sekali kerana, sebagai ahli sekeluarga luas, hubungan mereka rapat dan justeru itu adalah diharapkan meringankan beban ketika kesempitan dan bersama - sama bergembira ketika perayaan. Kelompok rumpun adalah memusat kepada satu kawasan dan boleh dianggap sebagai pusat bagi kelompok kekeluargaan yang luas.

Ruang

Ruang adalah daripada gabungan daripada beberapa rumpun. Ahli ruangan seringnya mempunyai kaitan kekeluargaan sehingga sekurang - kurangnya empat generasi (Norhalim HJ Ibrahim, 1976: 84). Di Naning khususnya di Pegoh, ruang disebut jurai (Abu Hassan Jaalam, 1975:26).

Prinsip kekeluargaan dalam kelompok ruang masih kuat dan rapat. Ahli - ahli kelompok ruang masih memerlukan di antara sama lain dalam semua aktiviti. Tegaknya, di kalangan ahli seruang masih ada hubungan obligasi. Pemimpin bagi kelompok kekeluargaan ruang digelar **Besar**, di Pegoh dipanggil **Tua** .

Perut

Perut pula terhasil daripada gabungan beberapa ruang. Jumlah generasinya berbeza dari satu luak ke luak yang lain. Misalnya di Jempul ahlinya terdiri daripada lingkungan sembilan ke sepuluh generasi (Kahar Bador, 1963:45), dan di Rembau sehingga ke enam generasi (Norhalim Hj Ibrahim, 1994:14).

Hakikatnya, perut adalah kelompok kekeluargaan yang berasal daripada satu keturunan nenek moyang yang sama yang masih disusur galurkan akan keturunannya. Perut diketuai oleh

Buapak

Bilangan perut dalam sesuatu suku itu tidak tetap. Ada suku yang hanya mempunyai satu perut sahaja dan ada pula yang lebih daripada satu. Ikatan kekeluargaan di kalangan ahli seperti tidak seakrap mereka yang serumpun atau seruang. Namun mereka masih saling ziarah - menziarahi dan bertemu muka. Ikatan kekeluargaan dalam sehari - hari agak longgar tetapi hubungan sebagai keluarga jauh dikekalkan dengan proses jemput menjemput, jikalau menjalankan sebarang upacara perkahwinan dan kematian, dan mereka akan berkampung bagi menjalankan aktiviti ekonomi dan politik.

Suku

Pengelompokan kekeluargaan yang terbesar dalam masyarakat Adat Perpatih ialah Suku. Suku adalah gabungan daripada beberapa buah perutwalaupun ada suku yang mempunyai satu perut sahaja. Mereka percaya bahawa mereka berasal daripada nenek moyang perempuan yang sama tetapi garis sahsilah sebenarnya tidak dapat dipastikannya dengan tepat dan jelas.

Umumnya terdapat dua belas suku dalam masyarakat Adat Perpatih. Antaranya Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumpuh, Mungkal, Tiga Nenek, Semelenggang (Sri Melenggang), Selemak (Sri Lemak), Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu.

Dalam keadaan tradisi, orang yang sesuku mempunyai ikatan kesatuan yang kuat. Kehidupan mereka adalah bersifat komunal dan bekerjasama seperti dinyatakan dalam perbilangan.

sesusun bak sirih
 serumpun bak serai
 sehartu - sebenda
 sependan seperkuburan
 sehina semulia
 malu seorang, malu semua

Peraturan hidup ini harus dipatuhi kerana apa yang dilakukan oleh ahli - ahlinya, sama ada baik ataupun buruk, akan melibatkan keseluruhan suku.


3.2 Prinsip Politik

Susun politik berlandaskan prinsip kedaulatan sbara orang awam yang melaksanakan proses keputusan dibuat melalui muafakat dalam suatu pemilihan terbuka atau melalui sistem giliran dalam keadaan pilihan terhad. Amalan sistem politik dalam adat perpatih lebih bercorak demokrasi. Proses muafakat berlaku dalam setiap pemilihan ketua di setiap peringkat pengelompokan kecuali peringkat terbawah - lelaki yang tertua sebagai tua (ketua).

Pada peringkat perut dan suku jawatan ketua - Buapak dan Lembaga, dipilih dari kalangan tua yang layak dan padan. Seterusnya, para ketua pula memilih ketua di atas hingga memilih seorang ketua tertinggi. Dengan itu, Buapak memilih Lembaga, Lembaga memilih Penghulu / Undang dan Undang memilih raja / Yang Di Pertuan (Yam Tuan). Dalam praktisnya, pada peringkat Luak pilihan sudah menjadi terhad kepada " suku waris ", iaitu suku yang berhak mewarisi jawatan itu: biasanya Suku Biduanda. Hanya kelompok - kelompok perut dalam suku waris itu boleh menentukan calon dan membuat pilihan. Jika ada lebih dari dua kelompok perut biasanya digilirkan pencalonan anatar kelompok - kelompok itu. Pada

peringkat ' raja ' pula pilihan oleh Undang hanya terhad pada kalangan calon diraja sahaja. Jelaslah, prinsip politik dalam adat perpatih mengamalkan sistem demokrasi dalam kehidupan masyarakatnya. Sistem demokrasi ini adalah satu - satunya tradisi Adat Perpatih yang jarang diamalkan oleh masyarakat Melayu terutamanya ia amat berbeza dari prinsip lantikannya. Di sinilah sumbangan besar yang dapat diberi oleh sistem politik Adat Perpatih dalam perkembangan politiknya.

Strata Pemimpin Dalam Masyarakat Adat Perpatih
Di Negeri Sembilan Darul Khusus .



Sistem dan strata pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih mempunyai corak tersendiri dan pemilihannya dari kalangan ahli keluarga dengan mementingkan pengetahuan, pengalaman dan syarat - syarat peribadi lain yang ditentukan oleh adat. Pemimpin - pemimpin mempunyai gelaran tertentu.

i) Yang Dipertuan Besar

Yang Dipertuan Besar berperanan sebagai penaung dan berfungsi sebagai simbol keutuhan dan keadilan. Perlantikan Yang Dipertuan Besar dibawah kuasa Datuk - Datuk Undang Yang Empat. Perlantikan ini berbeza dengan perlantikan ketua - ketua adat yang lain, juga perlantikan Yang Dipertuan Besar adalah berdasarkan kepada sistem nasab bapa (patrilineal).

ii) Undang atau Penghulu Luak

Undang atau Penghulu Luak adalah kuasa yang tertinggi di dalam sesuatu luak atau daerah adat di Negeri Sembilan. Luak adalah paras tertinggi dalam kesepaduan politik dalam sistem politik adat. Pemilihan Undang atau Penghulu Luak dikalangan ahli suku warisnya; iaitu suku Biduanda. Pemilihan jawatan ini bergantung kepada siapa dan jumlah Datuk Lembagaanya.

iii) Lembaga

Lembaga dilantik oleh Kadim, Besar dan Buapak serta anak buah sesuku. Beliau berkuasa penuh, dengan erti kata, dalam

sesuatu suku, Lembaga adalah pemimpin yang tertinggi. Dengan itu dalam segala kegiatan, baik ekonomi, sosial atau pun politik beliau harus diberitahu. Dengan kata lain, segala apa yang berlaku dalam sukunya, baik mahupun buruk terutama sekali yang buruk, harus dalam pengetahuannya. Seandainya berlaku sesuatu kejahatan di dalam sukunya atau dilakukan oleh ahli sukunya dan Lembaga tidak mengetahuinya beliau boleh dihukum denda adat oleh orang atasan. Jikalau kesalahan itu besar, beliau mungkin dipecat oleh ahli sukunya. Lembaga juga adalah tali penghubung antara sukunya dengan ketua - ketua suku yang lain. Di samping itu tali penghubung antara anak buahnya dengan kuasa yang lebih tinggi iaitu Undang atau Penghulu Luak.

iv) Buapak

Buapak adalah pemimpin kelompok kekeluargaan peringkat perut. Buapak dilantik oleh besar rumpun, kadim dan ahli kelompoknya. Beliau mempunyai kuasa besar dan mewakili kelompok kekeluargaannya apabila berhubung dengan kelompok - kelompok lain dalam sukunya terutamanya dalam hal adat - istiadat. Segala kegiatan dalam perutnya baik yang berupa ekonomi mahupun sosial akan dilaporkan oleh kadim melalui Besar kepadanya. Buapak juga sering mewakili atau bersama dengan Lembaga (ketua suku sering dalam perhubungan dengan suku suku lain). Dari segi struktur kepimpinan, Buapak setara dengan Penghulu Mukim.

v) Besar

Besar adalah ketua bagi kelompok kekeluargaan ruang. Beliau dipilih oleh Kadim - Kadim dan anak buah dalam sesuatu ruang. Besar mempunyai gelaran resmi.- Beliau berperanan sebagai perantaraan antara anak buah dengan pemimpin yang lebih ke atas, dan dengan kelompok kekeluargaan yang setara dengannya dari suku lain.

vi) Kadim

Kadim adalah ketua bagi kelompok yang paling kecil, rumpun. Kadim adalah seorang lelaki tempat semenda yang tertua dalam kelompok rumpun.

Kesemua ketua adat yang disebut di atas adalah jawatan seumur hidup. Namun, jikalau seseorang ketua itu melakukan kesalahan tertentu seperti yang diaturkan oleh adat, ia boleh dipecat. Pemecatan ini dilakukan oleh ketua - ketua yang melantiknya dahulu.

3.3 Undang - Undang

Asas segala undang - undang ialah " adil ". Keadilan itu lentas. Ia tidak tersekat oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, rasuah ataupun martabat kedudukan. Keadilan ini mengatasi sesuatu masalah yang melibatkan

pertalian darah persaudaraan. Keadilan juga sebagai nilai utama dalam undang - undang adat memastikan bahawa:

Biar mati anak jangan mati adat
 Tiba di batang, batang tumbang.-
 Tiba di dahan, dahan patah
 Tiba di urat, urat lembang

Kalau diteliti dengan sekali imbas, adat seolah - olah zalim kerana sanggup bunuh anak, asal adat dapat hidup. Tetapi, maksud sebenarnya ialah sesiapaapun akan diadili atau dihakimi jika telah melanggar undang - undang dan hukum adat. Matlamat perjalanan undang - undang ialah keadilan samarata bagi kedua pihak:

Seperti menarik rambut dalam tepung
 Rambut jangan putus
 Tepung jangan berselerak

Dalam menjalankan hukum adat, Adat Perpatih amat melarang penghakimen tidak adil atau berat sebelah:

Ibarat limau masam sebelah
 Perahu karam sekerat
 Tiba di mata dipicingkan
 Tiba di perut dikempiskan

Undang - undang dan hukum adat dalam adat Perpatih mementingkan konsep keadilan kedua pihak. Keadilan ini mesti menimbulkan kebenaran dan bukan sekadar mengenakan siksa secara denda atau dera. Sebenarnya keadilan dalam adat ini ialah untuk memperlindungi hak kebebasan individu dalam masyarakat.

3.4 Ekonomi Dan Pengagihan Sumber

Asas ekonomi masyarakat Adat Perpatih ialah tanah. Dari konsep asasi milik tanah ini terbitnya segala nilai dan susunan masyarakat dan negeri. Juga, konsep ini lebih kepada kebendaan di mana wajar dicari dan dikumpulkan harta benda sebagai milik, isitu:

Emas pendiding malu
Kain pendinding ruangan
Hilang rupe dek penyakit
Hilang bangsa dek tak beremas

Prinsip kebendaan ini ditanam erat dalam susunan masyarakat melalui sistem milik yang sesuai dengan prinsip keturunan nasab ibu:

Terbit pesaka kepada saka
Si lelaki menyandang pesaka
Si perempuan yang punya pusaka
Orang semenda yang membela

Secara ringkasnya, sesuai dengan susunan masyarakat, harta milik itu diturunkan kepada wanita tetapi tidak menghalang lelaki menggunakannya. Wanita dianggap sebagai saka atau inti dari keturunan; mereka melahirkan keturunan. Justeru itu amat perlu dipelihara dan mempunyai sumber rezeki yang tetap. Pihak lelaki mempunyai tenaga untuk memimpin dan menjaga. Manakala menantu atau suami juga diharap menjaga dan menghasilkan. Dengan itu, wanita lebih terjamin dan selamat di kampung halaman, dikalangan keluarga, perut dan suku membenarkan golongan lelaki merantau mencari rezeki sama ada berniaga, berdagang, bekerja dengan agensi kerajaan dan swasta dan sebagainya.

Jelaslah, Adat Perpatih ini lebih mengutamakan pihak perempuan dalam pembahagian harta benda atau saka daripada pihak lelaki. Tujuannya, kerana untuk membela dan menjamin serta memberi perlindungan kepada perempuan. Manakala, pihak lelaki dianggap bertenaga dan boleh mencari rezeki sendiri.

Kesimpulannya ialah Adat Perpatih adalah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Di Negeri Sembilan. Amalan - amalan Adat Perpatih adalah seperti konsep dan sistem masyarakat, politik dan ekonomi. Berhubung dengan kertas kerja ini, kajian dilakukan tentang adat perpatih dan hubungannya dalam masyarakat di Mukim Air Kuning. Kajian ini didasarkan prinsip - prinsip Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat di mukim ini samada dari segi persamaannya atau perbezaannya yang dibincangkan dalam Bab 4.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Samad Idris (1968) Negeri Sembilan Dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman
- Abdul Samad Idris, Tan Sri (1990) Payung Terkembang. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.
- Abdul Samad Idris, Tan Sri (1994) SECEBIS MENGENAI ADAT PERPATIH, NILAI DAN FALSAFAHNYA. Seminar Adat Dan Pelancaran Buku Adat Perpatih. Di Alson, Klana Jaya. Port Dickson.
- Abdul Tahman Hj Mohammad (1964) Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Aris Osman (1983) The Dynamics of Malay Identity. Monograph. Fakulti Sains Masyarakat dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atan Long, Prof. (192). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Beals, R. L. dan Harry Hoijer (1972) An Introduction to Anthropology. New York: Collier Macmillan Limited.
- Buyong Adil (1981) Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Hamid (1988) Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamaruddin Hj Kacar (1984) Penerapan Adat Melalui Pendidikan: Satu Kajian Menerusi Pendekatan Modular. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Lucy Mair (1965) Antroduction to Social Antropology. London: Oxford University Press.
- Mohd Yusof Md Nor (1984) Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Mohd Zain Hj Hamzah dan Mohd Zain Hj Bahari (1984) Adat Perpatih Selepas 1990 (Dari segi Politik dan Ekonomi). Seminar Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor

Norazit Selat (1995) Adat: Antara tradisi dan moden.
Utusan Malaysia. Kuala Lumpur : Utusan Melayu.

Nordin Selat (1995) Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sd. Bhd.

Norhalim Hj Ibrahim (1993) Adat Perpatih Perbezaan Dan Persamaannya Dengan Adat Termenggung. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Norhalim Hj Ibrahim (1994) Sistem Adat Perpatih Di Negeri Sembilan. Seminar Adat dan Pelancaran Buku Adat Perpatih. Di Alson Klana Jaya, Port Dickson. Negeri Sembilan.

Rahim Syam dan Norhale (1985). Mendekati Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

S. Hussin Ali (1979) Orang Melayu: Masalah Dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.

Webdly, R. (1963) The Malays Cultural. London. Routledge and Kegan.


Zainal Kling (1984) Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. Seminar Adat dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. Selangor.

LAMPIRAN

PETA DAERAH TAMPIN

SKALA : 1 : 200

JEMPOL




KUALA PILAH

REMBAU

JOHOR

MELAKA



BEND-11
 UK JABERAN
 BAHAN PT
 001H 0001 000 1-10.1990.2010

	1991-11 Expected											
	1-11 % BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL	1991 1 BAIL
JUMILAH	1970-90	JUMILAH	1980-90	JUMILAH	Growth	Growth	1990	1990	1990	1990	1990	1990
Kuning	7,011	7%	8,379	-21%	6,632	-5,08%	1,99%	1,99%	1,99%	1,99%	1,99%	1,99%
	13,956	24%	17,343	59%	27,529	8,67%	4,00%	16,524	29,77%	16,86%	3	1,99%
	14,248	81%	17,140	11%	14,063	1,11%	1,80%	14,063	15,75%	16,11%	1,99%	1,99%
	91%	-1%	71%	-11%	84%	-1,11%	1,49%	81%	1,75%	1,75%	1,99%	1,99%
	1,43%	2%	1,97%	-10%	1,792	-0,90%	1,40%	1,80%	1,80%	1,80%	1,99%	1,99%
Tengah		27%	11,04%	44%	11,917	4,43%	1,40%	11,11%	1,11%	1,11%	1,99%	1,99%
	61	54%	161	76%	1,773	1,40%	1,40%	1,40%	1,40%	1,40%	1,99%	1,99%
Dara	0	55%	7%	-100%	0	-10,00%	0,00%	0	0	0	0	0

HPIN	40,150	19%	57,557	26%	72,494	1,61%	1,85%	74,11	1,99%	74,11	0	1,99%
------	--------	-----	--------	-----	--------	-------	-------	-------	-------	-------	---	-------

	14-00%	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN
TAMUN	1997	1997	1997	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Kuning	7,011	7,110	7,160	7,251	7,326	7,39%	7,471	7,548	7,621	7,699	7,771	7,854
	31,552	36,126	37,571	39,182	40,750	42,380	44,071	45,836	47,674	49,576	51,541	53,564
	21,219	21,651	21,990	22,386	22,780	23,199	23,616	24,041	24,474	24,916	25,364	25,816
	917	930	943	956	970	983	997	1,011	1,025	1,040	1,055	1,069
	1,937	1,964	1,992	2,020	2,048	2,076	2,104	2,133	2,161	2,189	2,218	2,247
Tengah	17,704	18,414	19,149	19,910	20,699	21,516	22,363	23,141	23,949	24,789	25,661	26,564
	771	789	800	813	826	839	852	867	880	893	907	921
Dara	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

HPIN	86,42%	89,61%	91,731	94,521	97,467	100,393	103,480	106,611	109,791	112,941	116,111	119,311
------	--------	--------	--------	--------	--------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------

	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN	TAMUN
TAMUN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Kuning	7,933	8,012	8,092	8,173	8,255	8,336	8,421	8,501	8,581	8,661	8,741	8,821
	55,709	57,999	60,319	62,733	65,241	67,851	70,461	73,071	75,681	78,291	80,901	83,511
	26,284	26,757	27,229	27,729	28,229	28,730	29,234	29,734	30,234	30,734	31,234	31,734
	1,004	1,039	1,118	1,130	1,148	1,162	1,178	1,193	1,211	1,226	1,241	1,257
	1,289	1,321	1,353	1,386	1,420	1,453	1,486	1,521	1,554	1,589	1,621	1,654
Tengah	30,122	31,206	32,330	33,494	34,699	35,949	37,249	38,586	39,977	41,411	42,890	44,411
	936	953	968	984	1,000	1,016	1,032	1,048	1,065	1,082	1,100	1,117
Dara	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

HPIN	124,419	128,348	132,417	136,629	140,990	145,511	150,191	155,021	160,007	165,236	170,711	176,441
------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------



Fakulti Ekologi Manusia
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: 9486101-9486110 Kawat: UNIPERTAMA Sungai Besi. Teleks: UNIPER MA37454 Telefeks: 03-9482507

UPM/FEM-8.24

30 NOVEMBER 1994

PEGAWAI DAERAH TAMPIN,
PEJABAT DAERAH TAMPIN,
TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KINUSUS.

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENULISAN ILMIAH**

ADAT DAN HUBUNGAN DALAM MASYARAKAT
TAJUK PENYELIDIKAN:
MELAYU: SATU TINJAUAN DI BUKIT AIR KUNING, TAMPIN.
.....

Dengan segala hormatnya diperakui bahawa AKUS PERHE, AB. SABAT OTHMAN,
DAN MOHD GHAZALI HJ. TALIB. adalah pelajar/pelajar-pelajar
dalam program SAC. PENDIDIKAN (PBMP - 08) yang mengikuti kursus
SKA 400 di Fakulti ini. Sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat bergraduat pelajar ini dikehendaki menyediakan satu penulisan
ilmiah seperti yang dinyatakan di atas.

Maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati melalui
penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi tuan/puan. Oleh itu Fakulti ini sangat
berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam
menjayakan projek pelajar kami ini dengan memberi keizinan serta bantuan
sewajarnya ketika ia membuat penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi
tuan/puan.

Sekian, dan di atas segala kerjasama yang tuan/puan berikan saya dahului
dengan ucapan berbanyak terima kasih.

Yang benar,

h/p

DR. MAZIAH BABA

(PROF. MADYA DR. ZAITUN YASSIN)

Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar),
Fakulti Ekologi Manusia

Penasihat Persekitaran Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia

s.k. - Penyelia projek/Penyelaras kursus: EN. NORVALIM HJ. IBRAHIM
- Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti PENGAJIAN PENDIDIKAN



Fakulti Ekologi Manusia
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: 9486101-9486110 Kawat: UNIPERTAMA Sungai Besi. Teleks: UNIPER MA37454 Telefaks: 03-9482507

UPM/FEM-8.24
30 NOVEMBER 1994

PENGANTU.....
MUKIM AIR KUNING.....
TAMPIN.....
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.....

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENULISAN ILMIAH**

TAJUK PENYELIDIKAN: ADAT DAN MUSULMANNYA DALAM MASYARAKAT...
MELAYU: SATU TINJAUAN DI MUKIM AIR KUNING, TAMPIN.....

Dengan segala hormatnya diperakui bahawa AB. SAMAT OMAR ALI AKIB PAKEN,
DAN MOHD GHAZALI HJ. TALIB adalah pelajar/pelajar-pelajar
dalam program BAG. PENDIDIKAN (PMP - 08) yang mengikuti kursus
SKA 400 di Fakulti ini. Sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat bergraduat pelajar ini dikehendaki menyediakan satu penulisan
ilmiah seperti yang dinyatakan di atas.

Maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati melalui
penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi tuan/puan. Oleh itu Fakulti ini sangat
berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam
menjayakan projek pelajar kami ini dengan memberi keizinan serta bantuan
sewajarnya ketika ia membuat penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi
tuan/puan.

Sekian, dan di atas segala kerjasama yang tuan/puan berikan saya dahului
dengan ucapan berbanyak terima kasih.

Yang benar,

b/p

DR. MAZKAN BABA

Sebagai

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga

(PROF. MADYA DR. ZAITUN YASSIN)

Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar)
Fakulti Ekologi Manusia

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia

s.k. - Penyelia projek/Penyelaras kursus: EN. NORHAJIL HJ. IBRAHIM
- Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti PENGAJARAN PENDIDIKAN



Fakulti Ekologi Manusia
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: 9486101-9486110 Kawat: UNIPERTAMA Sungai Besi. Teleks: UNIPER MA37454 Telefeks: 03-9482507

tuan:

kami:

kh:

UPM/FEM-8.24

30 NOVEMBER 1994

KETUA KAMPUNG,

MUKIM AIR KUNING,

TAMPIN,

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENULISAN ILMIAH**

TAJUK PENYELIDIKAN: ADAT DAN KEBUNGAMNYA DALAM MASYARAKAT

MELAYU: SATU TINJAUAN DI MUKIM AIR KUNING, TAMPIN.

Dengan segala hormatnya diperakui bahawa MOHD. GHASALI HJ. TALIB,
AB SARIAT OSMAN DAN AKIB PEHEM adalah pelajar/pelajar-pelajar
dalam program BAC. PENDIDIKAN (PMP - 08) yang mengikuti kursus
SKA 400 di Fakulti ini. Sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat bergraduasi pelajar ini dikehendaki menyediakan satu penulisan
ilmiah seperti yang dinyatakan di atas.

Maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati melalui
penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi tuan/puan. Oleh itu Fakulti ini sangat
berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam
menjayakan projek pelajar kami ini dengan memberi keizinan serta bantuan
sewajarnya ketika ia membuat penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi
tuan/puan.

Sekian, dan di atas segala kerjasama yang tuan/puan berikan saya dahului
dengan ucapan berbilang terima kasih.

Yang benar,

[Signature]

DR. HAZWAN BABA

(PROF. Madya DR. ZAITUN YASSIN)

Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar)
Fakulti Ekologi Manusia

Presiden Persekitaran Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia

s.k. - Penelia projek/Penyelaras kursus:
- Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti

EN NORHALEH HJ. IBRAHIM

PENGACARA PENDIDIKAN